



Agong, Permaisuri hadir majlis khatam al-Quran

April 8, 2023 @ 8:53pm



Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, membaca al-Quran pada Majlis Khatam al-Quran dan tahlil Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah dan Almarhum Sultan Abu Bakar di Masjid Jamek Chenor, hari ini. - Foto BERNAMA

MARAN: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Nurul Al-Quran peringkat Pahang dan Bacaan Tahlil untuk Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah serta Almarhum Sultan Abu Bakar di Masjid Jamek Chenor di sini, hari ini.

Turut berkenan berangkat ke majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan anakanda Seri Paduka berdua.

Keberangkatan tiba Seri Paduka berdua pada jam 6.20 petang disambut oleh barisan pentadbiran negeri yang diketuai Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Majlis khatam al-Quran dan bacaan Yasin dipimpin oleh Johan Tilawah Al-Quran Antarabangsa 2003, Datuk Ahmad Faizul Ghazali. manakala Mufti Pahang Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman memimpin bacaan tahlil.

Pada majlis itu, Seri Paduka berdua berkenan mengurniakan sumbangan kepada golongan memerlukan sebelum berbuka puasa dengan penduduk daerah Maran di perkarangan masjid.

Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, yang juga Sultan Pahang kelima, mangkat pada 22 Mei 2019 di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur manakala Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Pahang keempat, mangkat pada 5 Mei 1974 di Pekan. – BERNAMA